

28 DEC 2001

Mahathir-Muzik

JADILAH PENGHIBUR MUZIK BERTARAF DUNIA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 28 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata golongan muda yang mempunyai bakat dalam bidang muzik wajar dipupuk dan diberi galakan bagi membolehkan mereka menjadi penghibur bertaraf dunia yang dididik di negara sendiri.

Katanya bagi mencapai tahap itu, Malaysia mesti mewujudkan persekitaran yang sesuai bagi membolehkan bakat-bakat muzik klasik dan genre muzik lain mengembangkan kemahiran dan bakat dalam negara.

"Malah jika Malaysia mempunyai dewan konsert dan kemudahan terbaik di dunia bagi mempromosikan pertunjukan seni, ia tidak akan memberi makna jika negara tidak mempunyai dan tidak mampu melahirkan sekumpulan bakat penghibur bertaraf dunia untuk membuat persembahan," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian semasa melancarkan ExpoMuzik 2001 yang melengkapkan Pesta Muzik Kuala Lumpur 2001 di sini.

Melalui latihan yang sesuai dan pembangunan bakat-bakat tempatan bertaraf dunia, katanya negara akan mampu menjadi tuan rumah yang tulen kepada acara-acara kebudayaan berkelas dunia yang dapat menarik pencinta muzik dan pelancong luar negeri.

Tambahan pula, kata Dr Mahathir, sumbangan daripada bakat-bakat ini, yang masih belum ditonjolkan, akan menjadi penting ke arah pembangunan industri hiburan yang berdaya maju di negara ini.

Menurut Dr Mahathir, muzik merupakan perniagaan yang besar di seluruh dunia dan Malaysia masih belum bertapak dengan kukuh kerana masih banyak yang perlu dilakukan untuk membangunkan industri muzik tempatan.

"Ada banyak aspek dalam industri ini yang boleh digalakkan termasuk mengeluarkan peralatan muzik, pendidikan muzik, pengurusan acara dan mengurus bakat muzik," katanya.

Dr Mahathir berharap pesta itu akan menarik minat kanak-kanak untuk mengikuti latihan muzik dan mungkin menjadikan muzik sebagai kerjaya masa depan mereka.

Muzik merupakan satu daripada warisan budaya yang dikongsi bersama oleh semua masyarakat di Malaysia dan dengan menghargai muzik masing-masing, rakyat Malaysia boleh mencapai semangat muhibah, katanya.

Perdana Menteri berkata dengan berakhirnya tahun 2001, tahun yang amat mencabar dan sukar, rakyat Malaysia wajar mensyukuri nikmat dan yakin dengan negara yang berjaya terhindar daripada masalah besar.

Pada pelancaran itu, Dr Mahathir didendangkan dengan persembahan piano "Selamat Hari Jadi" dan medley lagu-lagu oleh 85 pemain piano, satu persembahan yang kemudiannya disahkan oleh Malaysia Book of Records sebagai penyertaan terbesar membabitkan persembahan piano. Dr Mahathir menyambut hari kelahirannya yang ke-76 pada 20 Dis.

ExpoMuzik selama tiga hari sehingga Ahad ini, menghimpunkan masyarakat perdagangan muzik, pendidikan dan hiburan yang mempamerkan peralatan muzik, produk dan perkhidmatan untuk semua peminat muzik.

Ia dianjurkan oleh Camerata dell'Arta Kuala Lumpur, sebuah rangkaian tidak formal guru, pelajar, ibu bapa, profesional dan ahil perniagaan muzik, dengan matlamat untuk memupuk dan mempromosikan persembahan seni muzik di negara ini.

Pesta Muzik KL berlangsung selama dua bulan sepanjang November dan Disember.

-- BERNAMA

MAM HS LAT RON

